

# **Majlis Makan Beradat Wisma Perwira Pangkalan Udara Butterworth**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4659-majlis-makan-beradat-wisma-perwira-pangkalan-udara-butterworth-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4659-majlis-makan-beradat-wisma-perwira-pangkalan-udara-butterworth-2)

BUTTERWORTH, 11 Mac 19 – Wisma Perwira Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan Majlis Makan Beradat Wisma Perwira di Hotel The Light Butterworth.

Majlis yang diadakan bertujuan untuk meraikan pegawai yang telah bertukar keluar dan bertukar masuk ke Pangkalan Udara Butterworth ini turut dihadiri oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Amer Mahmud bin Abd Rahman TUDM bersama isteri.

Pada majlis itu juga dua orang pegawai yang akan menamatkan perkhidmatan telah diraikan iaitu Brig Jen Jumali bin Salamat TUDM dan Brig Jen Sun Thong a/l En Kae TUDM. Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan nyanyian daripada Kolej Tentera Udara dan penyampaian cenderahati kepada anggota diraikan yang telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan.

Turut hadir, President Mess Committee (PMC), Lt Kol Abdul Rahim bin Jusoh TUDM dan Timbalan Panglima HQIADS, Brig Jen Tong Veng Leong, bersama isteri.



